PP

lwn.

SYED HALIL SYED MOHAMAD ALI & SATU LAGI

MAHKAMAH TINGGI MALAYA, KUANTAN
ABD HALIM AMAN H
[PERBICARAAN JENAYAH NO: 45-1-2007]
6 OGOS 2007

PROSEDUR JENAYAH: *Prima facie - Pembuktian - Pembuktian kes prima facie di bawah s. 302 Kanun Keseksaan - Elemen-elemen penting - Sama ada dibuktikan - Faktor-faktor persekitaran - Sama ada mencukupi untuk mensabitkan tertuduh pertama dan kedua di bawah tuduhan membunuh bawah s. 302 Kanun Keseksaan - Sama ada terlalu banyak kelemahan wujud dari segi aspek penyiasatan - Kegagalan pihak pendakwaan mengemukakan saksi penting - 'Adverse inference' di bawah s. 114(g) Akta Keterangan 1950 - Sama ada dibuktikan tertuduh pertama dan kedua mempunyai niat umum mengikut s. 34 Kanun Keseksaan - Sama ada kehadiran kedua-dua tertuduh di tempat kejadian aadalah sesudah mangsa ditemui mengalami kecederaan yang teruk - Sama ada satu kes prima facie di bawah s. 304(a) Kanun Keseksaan dibuktikan*

UNDANG-UNDANG JENAYAH: *Kanun Keseksaan - Seksyen 302 - Dituduh dengan kesalahan membunuh - Prima facie - Elemen-elemen penting - Sama ada dibuktikan - Faktor-faktor persekitaran - Sama ada mencukupi untuk mensabitkan tertuduh pertama dan kedua di bawah tuduhan membunuh bawah s. 302 Kanun Keseksaan - Sama ada terlalu banyak kelemahan wujud dari segi aspek penyiasatan - Kegagalan pihak pendakwaan mengemukakan saksi penting - 'Adverse inference' di bawah s. 114(g) Akta Keterangan 1950 - Sama ada dibuktikan tertuduh pertama dan kedua mempunyai niat umum mengikut s. 34 Kanun Keseksaan - Sama ada kehadiran kedua-dua tertuduh di tempat kejadian aadalah sesudah mangsa ditemui mengalami kecederaan yang teruk - Sama ada satu kes prima facie di bawah s. 304(a) Kanun Keseksaan dibuktikan*

Kedua-dua tertuduh di dalam kes ini, Syed Halil Syed Mohamad Ali (tertuduh pertama) dan Mohd Nazri Jailani (tertuduh kedua) telah dituduh di atas suatu pertuduhan, bersama lima lagi yang masih bebas, bertempat di dalam kebun getah telah melakukan pembunuhan ke atas Jamzi Afzan Ahmad maka mereka telah

melakukan suatu kesalahan yang boleh dihukum di bawah s. 302 Kanun Keseksaan dan dibaca bersama s. 34 Kanun Keseksaan. Berdasarkan kepada keterangan saksi-saksi pendakwaan, fakta kes adalah pada 7 Julai 2006, mangsa (simati) telah dipukul di dalam kebun getah. Mangsa telah dihantar ke pihak polis ke Klinik Kesihatan Gambang dan kemudiannya ke Hospital Tengku Ampuan Afzan Kuantan untuk rawatan, namun mangsa masih gagal diselamatkan dan telah meninggal dunia. Menurut keterangan pakar forensik, punca kematian adalah kecederaan dalam kepala dan darah tersedak dalam paru-paru. Pihak timbalan pendakwaraya menghujahkan bahawa pihak pendakwaan telah berjaya membuktikan suatu kes *prima facie* terhadap kedua-dua tertuduh melalui keterangan saksi mereka yang 'overwhelming', konsisten serta mempunyai hubungkait yang rapat di antara satu sama lain. Kesemuanya, dihujahkan menjurus kepada kesimpulan bahawa kedua-dua tertuduhlah yang telah menyebabkan kematian simati. Pihak pendakwaan menghujahkan bahawa tindakan tertuduh pertama yang menumbuk dan menendang pada dada simati sahaja, pada lazimnya adalah memadai untuk mengakibatkan kecederaan parah apatah lagi sekiranya seseorang yang telah lemah seperti simati di dalam kes ini yang langsung tidak menyangka apa-apa serangan lagi secara berulang kali oleh tertuduh. Sebagai kesimpulan, dihujahkan bahawa kedua-dua tertuduh telah menyebabkan bencana tubuh kepada simati yang sememangnya diketahui oleh mereka akan menyebabkan kematian. Bagi pihak tertuduh pertama, pihak pembelaan telah menghujahkan bahawa pihak pendakwaan telah gagal membuktikan satu kes *prima facie* terhadap kedua-dua tertuduh seperti yang diperuntukkan di bawah s. 180(1) Kanun Prosedur Jenayah. Pihak pembelaan telah berhujah bahawa terdapat wujudnya beberapa percanggahan keterangan saksi-saksi di pihak pendakwaan iaitu ia tidak konsisten dan tidak terdapatnya sebarang keterangan dikemukakan oleh pihak pendakwaan untuk mengaitkan tertuduh-tertuduh ini dengan kematian simati. Di atas alasan-alasan tersebut, peguambela tertuduh pertama memohon agar tertuduh pertama dilepaskan dan dibebaskan tanpa dipanggil mengemukakan pembelaan. Peguambela tertuduh kedua pula di atas nada yang sama menghujahkan menerimapakai penghujahan yang telah dilakukan oleh peguambela tertuduh pertama dengan sepenuhnya dan menambah bahawa tiada terdapat sebarang bukti yang menunjukkan bahawa tertuduh kedua telah melakukan pembunuhan ke atas si mati sepertimana pertuduhan.

Diputuskan (melepaskan dan membebaskan tertuduh pertama dan tertuduh kedua daripada pertuduhan tanpa dipanggil untuk mengemukakan pembelaan):

(1) Menurut Pakar Perunding Forensik (SP9) dan Pegawai Penyiasat Kes (SP18), si mati telah mengalami kecederaan yang banyak di bahagian luar badan dan kecederaan yang serius di dalam kepala. Si mati telah dipukul, dihentak, ditendang dengan benda tumpul oleh lebih dari seorang penyerang, yang melakukan serangan dari setiap penjuru dan yang pentingnya seperti yang dinyatakan oleh SP9 ini bahawa 'subdural dan laceration of the brain' ini, cedera sebegini tak cukup datangnya dari 'one single blow.' Tidak ada segelintir keterangan sekalipun untuk mengaitkan akan kecederaan yang dialami oleh si mati berakibat dari perbuatan menendang oleh Syed Halil. Adalah sesuatu yang terlalu jauh untuk dikaitkan akan 35 cedera luaran yang dialami oleh si mati ini dengan perbuatan menendang atau menumbuk oleh Syed Halil yang mananya pula tidak pasti sama ada mengena sasarannya seperti keterangan oleh sesetengah saksi. Adalah sesuatu yang sukar untuk diterima hakikatnya bahawa hanya dengan sekali tendangan dan sekali tumbukan sahaja ia boleh mengakibatkan kecederaan yang sedemikian teruk dialami oleh si mati. (perenggan 46 & 47)

(2) Keterangan rakan-rakan si mati (SP5 dan SP6) bahawa terdapat lima orang yang menurut mereka terdiri dari tiga orang pekerja Indonesia yang terdapat di ladang itu dan dua lelaki yang tidak dikenali yang telah memukul si mati dengan teruknya dengan bersenjatakan kayu, parang dan besi sehingga terdengar jeritan kuat minta tolong dari si mati yang didengar oleh SP5. Malah SP18, pegawai penyiasat kes sendiri mengakui melalui siasatannya bahawa sebelum kedua-dua tertuduh sampai ke tempat kejadian si mati telah dipukul teruk oleh pekerja-pekerja Indonesia dengan menggunakan kayu dan parang. Didapati juga bahawa dari keterangan saksi-saksi, tidak ada seorang pun ada menyatakan akan pembabitan Mohd Nazri di dalam tragedi pembunuhan ini. Kehadiran Mohd Nazri di tempat kejadian di ketika dan waktu itu adalah diibaratkan berada di dalam satu situasi yang malang baginya kerana telah turut dituduh bersama dengan Syed Halil hanya kerana kehadirannya bersama dengan tertuduh pertama di situ. Tiada wujud segelintir keterangan sekalipun untuk dikaitkan tertuduh

kedua ini dengan kejadian pembunuhan ini. Malah, lain-lain saksi awam yang turut berada di tempat kejadian tidak mengaitkan langsung tertuduh kedua ini dengan insiden pembunuhan tersebut. (perenggan 48 & 49)

(3) Penyiasatan kes ini telah tidak dijalankan dengan secara terperinci dan menyeluruh. Cara dan corak siasatan yang dijalankan oleh pegawai penyiasat kes ini amat tidak memuaskan. Tiada usaha dijalankan untuk pengesanan orang-orang Indonesia yang dikatakan berada di tempat kejadian dilakukan. Tiada sebarang senjata atau objek yang digunakan semasa memukul dapat dikesan di tempat kejadian walaupun keterangan wujud bahawa pisau, kayu dan besi ada digunakan oleh orang Indonesia di dalam insiden itu. Tugas seorang pegawai penyiasat tidaklah hanya setakat merakam percakapan dari saksi-saksi, mengarahkan anggota mengambil gambar, melukis rajah kasar tempat kejadian, menghantar barang-barang kes ke jabatan kimia dan sebagainya. Terlalu banyak kelemahan wujud dari segi aspek penyiasatan ini. (perenggan 50, 53, 55 & 56)

(4) Sememangnya wujud percanggahan-percanggahan yang amat ketara di dalam keterangan-keterangan yang telah dikemukakan oleh saksi-saksi itu. Tindakan saksi-saksi amat memprejudiskan kes pendakwaan dan menyebabkan mahkamah merasakan adalah tidak selamat untuk menerimapakai sepenuhnya keterangan-keterangan yang diberi. Seterusnya, mahkamah mendapati bahawa SP7 bukanlah seorang saksi yang credible dan boleh dipercayai sepenuhnya. SP7 dalam keterangannya telah memberitahu bahawa laporan polis yang dibuat olehnya telah dibuat setelah diajar secara paksaan oleh tertuduh pertama semasa di dalam kereta. Walau bagaimanapun, saksi bebas iaitu 'Encik Jo', pengurus ladang getah terbabit yang dikatakan oleh SP7 sebagai turut sama berada di dalam kereta bersama-sama mereka semasa ke Balai Polis Gambang telah tidak dikemukakan untuk menyokong kesahihan keterangan SP7 ini. Lantas kegagalan pihak pendakwaan mengemukakan saksi 'Encik Jo' tersebut mewajarkan pihak mahkamah menggunapakai peruntukan berkenaan 'adverse inference' di bawah s. 114(g) Akta Keterangan 1950 terhadap mereka. (perenggan 59, 60, 61 & 62)

(5) Kematian si mati bukanlah disebabkan oleh perbuatan tertuduh pertama menendang sekali di bahagian dadanya. Punca kematian si mati tidak boleh disebabkan oleh 'a single blow.' Sebaliknya, kecederaan yang menyebabkan kematian si mati adalah pukulan yang begitu teruk dilakukan oleh tiga orang pekerja Indonesia dan dua lelaki yang tidak dikenali dengan menggunakan senjata tumpul seperti besi atau kayu terutamanya di bahagian kepala. Walaupun tertuduh pertama dikatakan ada memegang sebatang besi, keterangan saksi-saksi pendakwaan dengan jelas mengesahkan bahawa besi tersebut tidak pernah digunakan olehnya untuk memukul si mati. (perenggan 63

(6) Berkenaan s. 34 Kanun Keseksaan pula, pihak pendakwaan telah gagal untuk mengemukakan sebarang keterangan untuk membuktikan kepada mahkamah bahawa tertuduh pertama dan kedua sememangnya mempunyai niat umum secara bersama dengan kelima-lima orang lelaki lagi yang masih bebas, termasuklah tiga orang lelaki Indonesia di dalam insiden memukul si mati tersebut. (perenggan 64)

(7) Tiadanya apa-apa kaitan ataupun 'nexus' di antara tertuduh pertama dan kedua dengan kumpulan berlima yang dimaksudkan. Malah keterangan jelas memperlihatkan yang kehadiran kedua-dua tertuduh ini di tempat kejadian adalah sesudah si mangsa ditemui berada di dalam keadaan mengalami kecederaan yang teruk selepas dipukul oleh kumpulan berlima ini. Mereka berdua adalah 'strangers' kepada kumpulan berlima tersebut. Pihak pendakwaan telah gagal membuktikan satu kes yang *prima facie* terhadap kedua-dua tertuduh sepertimana pertuduhan. (perenggan 65 & 66)

Kes-kes yang dirujuk:

Looi Kow Chai & Anor v. PP [2003] 1 CLJ 734 CA ***(dirujuk)***
Namasiyiam Doraisamy v. PP & Other Cases [1987] 1 CLJ 540; [1987] CLJ (Rep) 241 SC ***(dirujuk)***
PP v. Dato' Seri Anwar Ibrahim (No 3) [1999] 2 CLJ 215 HC ***(dirujuk)***
PP v. Mohd Radzi Abu Bakar [2006] 1 CLJ 457 CA ***(dirujuk)***
PP v. Neoh Bean Chye [1975] 1 MLJ 3 ***(dirujuk)***
PP v. Ong Cheng Heong [1998] 4 CLJ 209 HC ***(dirujuk)***
Tan Hung Thiam & Anor v. PP [1991] 2 MLJ 137 ***(dirujuk)***
Ti Chuee Hiang v. PP [1995] 3 CLJ 1 FC ***(dirujuk)***

Perundangan yang dirujuk:
Criminal Procedure Code, s. 180(1)
Evidence Act 1950, s. 114(g)
Penal Code, ss. 34, 300(a), (b), (c), (d)

Sumber-sumber yang dirujuk:
Ratanlal & Dhirajlal's Law of Crimes, 25th edn, ms 1325

Bagi pihak tertuduh 1 - Bob Arumugam
Bagi pihak tertuduh 2 - Sairil Hamdan Abdul Manaf
Bagi pihak PP - Amy Ling Houy Yi; TPR

Dilaporkan oleh Suhainah Wahiduddin

PENGHAKIMAN

Abd Halim Aman H:

Pendahuluan

[1] Kedua-dua tertuduh di dalam kes ini, Syed Halil bin Syed Mohamad Ali dan Mohd Nazri bin Jailani telah dituduh di Mahkamah Tinggi Kuantan pada 29 Januari, 2007 di atas suatu pertuduhan yang berbunyi seperti berikut:

> PERTUDUHAN
>
> Bahawa kamu, Syed Halil bin Syed Mohamad Ali, KPT: 840901-06-5437 bersama dengan Mohd Nazri bin Jailani, KPT: 840925-06-5861 dan lima lagi yang masih bebas, pada 7/7/2006 jam lebih kurang di antara 0001 hrs hingga 0215 hrs., bertempat di dalam kebun getah di Blok 12, Lot 1349, Ladang Getah Lepar Hilir 2, Gambang, di dalam Daerah Kuantan, di dalam Negeri Pahang Darul Makmur, telah melakukan pembunuhan ke atas Jamzi Afzan bin Ahmad, No. KPT: 841010-06-5411 berumur 22 tahun, maka kamu dengan ini telah melakukan suatu kesalahan yang boleh dihukum di bawah Seksyen 302 Kanun Keseksaan dan dibaca bersama Seksyen 34 Kanun Keseksaan.

[2] Perbicaraan kes ini telah dimulakan pada tarikh 11 Jun 2007 dan berjaya dimuktamadkan pada 11 Julai 2007 apabila pihak Timbalan Pendakwa Raya menutup kes mereka. Kes telah ditetapkan untuk penghujahan di akhir kes pendakwaan oleh kedua-dua belah pihak pada tarikh 27 Julai 2007.

[3] Bagi membuktikan kes mereka, pihak Timbalan Pendakwa Raya telah mengemukakan seramai lapan belas (18) orang saksi.

[4] Mereka adalah SP1 (Konstabel Mohd. Fauzul Wafir bin Mohd Ali), anggota polis penerima maklumat pertama, SP2 (Koperal Wan Abdullah bin Wan Hussin), anggota yang menerima maklumat tentang kecurian getah di Ladang Lepar Hilir 2; SP3 (Ahmad bin Hassan), bapa simati; SP4 (Koperal Mohd Sani Mohd Nor), Jurugambar polis; SP5 (Mohd Azmadi Bakar), rakan si mati; SP6 (Hafizan bin Mohd Fauzi), rakan simati; SP7 (Yaakob bin Mohamad), tuanpunya ladang getah; SP8 (Muhamad Rosmaini b. Yaakob), anak kepada SP7; SP9 (Dr. Zahari bin Noor), Pakar Perunding Forensik dari Hospital Tengku Ampuan Afzan; SP10 (Mohd Fezali bin Dailar), rakan SP8; SP11 (Dr. Nurfaizah bte M. Nordin), Pegawai Perubatan Klinik Kesihatan Gambang; SP12 (Mohd Munzir bin Ahmad Sukri); SP13 (Zambri bin Aman); SP14 Mohd Effendy bin Che Ali; SP15 (Koperal Mohd Yusof Ibrahim), jurufoto polis; SP16 (Insp. Mohd Nayan Mokhtar; SP17 (Suraini Mat Yasin), Ahli Kimia dan SP18 (ASP Noorleyda bt Ahmad), Pegawai Penyiasat Kes.

Fakta Kes

[5] Berdasarkan kepada keterangan saksi-saksi pendakwaan, fakta kes dapat digarab sepertimana yang disampaikan oleh Timbalan Pendakwa Raya semasa menyampaikan ucapan pembukaan kes. Pada 7 Julai 2006, mangsa iaitu Jamzi Afzan bin Ahmad telah dipukul di dalam kebun getah di Blok 12, Lot 1349, Ladang Getah Lepar Hilir 2, Gambang, Kuantan, Pahang. Mangsa telah dihantar oleh pihak polis ke Klinik Kesihatan Gambang dan kemudiannya ke Hospital Tengku Ampuan Afzan Kuantan untuk rawatan, namun mangsa masih gagal diselamatkan dan telah meninggal dunia. Menurut keterangan pakar forensik, punca kematian adalah kecederaan dalam kepala dan darah tersedak dalam paru-paru.

Beban Pembuktian

[6] Seksyen 180(1) Kanun Prosedur Jenayah memperuntukkan bahawa di akhir kes pendakwaan, mahkamah dikehendaki menimbangkan sama ada pihak pendakwaan telah berjaya membuktikan satu kes yang *prima facie* terhadap tertuduh bagi pertuduhan tersebut. Apakah yang dikatakan *prima facie* itu? Di dalam *Mallal's Criminal Procedure* – 3rd edn:

A *prima facie* case is one which is established by sufficient evidence and can only be overthrown by rebutting evidence adduced by the other side. It arises when the evidence in favour of a party is sufficiently strong for the opposing party to be called on to answer. Taken into totality, the force of the evidence must be such that, if unrebutted, it would be sufficient to induce the court to believe in the existence of facts stated in the charge or to consider its existence so probable that a prudent man ought to act upon the supposition that those facts existed or did happen.

[7] Secara tafsiran biasa pula, saya tertarik kepada taksiran yang diberi oleh Yang Arif Hakim Vincent Ng di dalam kes *PP v. Ong Cheng Heong* [1998] 4 CLJ 209 di ms 225 yang menyatakan:

What then constitutes a '*prima facie* case'? *Prima facie* means on the face of it or at first glance. To me, in the light of Act A979, perhaps the most appropriate definition of a *'prima facie'* case could be found in the *Oxford Companion of Laws* (p. 987), which has it as: 'A case which is sufficient to call for an answer.' while *prima facie* evidence is evidence which is sufficient to establish a fact in the absence of any evidence to the contrary, **but is not conclusive.** (emphasis added)

[8] Di dalam kes *Looi Kow Chai & Anor v. PP* [2003] 1 CLJ 734, Mahkamah Rayuan menerimapakai prinsip kes yang diputuskan di dalam kes *Public Prosecutor v. Dato' Seri Anwar bin Ibrahim (No. 3)* [1999] 2 CLJ 215, di ms 274-275 di mana Hakim Augustine Paul memutuskan:

A *prima facie* case arises when the evidence in favour of a party is sufficiently strong for the opposing party to be called on to answer. The evidence adduced must be such that it can be overthrown only by rebutting evidence by the other side. Taken in its totality, the force of the evidence must be such that, if unrebutted, it is sufficient to induce the court to believe in the existence of the facts stated in the charge or to consider its existence so probable that a prudent man ought to act upon the supposition that those facts existed or did happen. As this exercise cannot be postponed to the end of the trial, a maximum evaluation of the credibility of witnesses must be done at the close of the case for the prosecution before the court can rule that a *prima facie* case has been made out in order to call for defence.

[9] Mahkamah Rayuan di dalam kes yang sama turut memutuskan bahawa beban pembuktian *prima facie* di akhir kes pendakwaan ini, mahkamah mestilah meneliti akan keterangan pihak pendakwaan ke tahap 'maximum evaluation', di mana bagi

'maximum evaluation', kredibiliti saksi-saksi mesti dinilaikan di akhir kes pihak pendakwaan sebelum mahkamah boleh memutuskan sama ada kes *prima facie* telah dibuktikan sebelum boleh dipanggil tertuduh untuk pembelaan. Keduanya, Mahkamah Rayuan di dalam kes itu juga memutuskan bahawa pihak pendakwaan tidak perlu membuktikan kesnya melampaui tahap keraguan yang munasabah (beyond reasonable doubt) di tahap 'intermediate' ini.

[10] Mahkamah Persekutuan di dalam kes *PP v. Mohd Radzi Abu Bakar* [2006] 1 CLJ 457 telah mengesahkan akan keputusan Mahkamah Rayuan di dalam kes tersebut berkenaan dengan beban pembuktian ini. Selanjutnya, Mahkamah Persekutuan di dalam kes yang sama turut menggariskan langkah-langkah yang perlu diambil oleh hakim bicara di akhir kes pendakwaan seperti berikut:

> (i) the close of the prosecution's case, subject the evidence led by the prosecution in its totality to a maximum evaluation. Carefully scrutinized the credibility of each of the prosecution witnesses. Take into account all reasonable inferences that may be drawn from the evidence. If the evidence admits of two or more inferences, then draw the inference that is most favourable to the accused;
>
> (ii) ask yourself the question: if I now call upon the accused to make his defence and he elects to remain silent am I prepared to convict him of the evidence now before me? If the answer to that question is "Yes" then, a *prima facie* case has been made out and the defence should be called. If the answer is "No" then, a *prima facie* has not been made out and the accused should be acquitted;
>
> (iii) after the defence is called, the accused elects to remain silent, then convict;
>
> (iv) after defence is called the accused elects to give evidence, then go through the steps set out in *Mat v. Public Prosecutor* [1963] MLJ 263.

[11] Oleh yang demikian, beban atau tahap pembuktian oleh pihak pendakwaan hendaklah dipertimbangkan dengan menggunapakai prinsip 'maximum evaluation' seperti yang diperjelaskan di awal tadi. Persoalannya, sama ada di peringkat ini pihak pendakwaan telah berjaya di dalam tugasnya membuktikan suatu kes yang *prima facie* di tahap akhir kes pendakwaan ini bagi membolehkan pembelaan dipanggil terhadap kedua-dua tertuduh. Atau sama ada pihak pembelaan telah berjaya menimbulkan keraguan di tahap ini bagi menafikan tuduhan itu.

[12] Merujuk kepada *Ratanlal & Dhirajlal's Law of Crimes* 25th edn, di ms 1325, telah diterangkan seperti berikut:

> ... murder is an aggravated form of culpable homicide. The two offences involve the killing of a person. They are the offence of culpable homicide and more heinous offence of murder, what distinguishes these two offences is the presence of a special *mens rea* which consists of four mental attitudes in the presence of any of which the lesser offence becomes greater ... Unless the prosecution brings the case within the ambit of any of the four clauses of the definition of 'murder', no further question arises ...

[13] Keempat-empat intipati yang dimaksudkan itu adalah sepertimana ditakrifkan di bawah s. 300(a), (b), (c) dan (d) Kanun Keseksaan, iaitu:

(a) niat hendak menyebabkah kematian; atau

(b) niat hendak menyebabkan sesuatu bencana tubuh yang mana tertuduh-tertuduh tahu bahawa tindakannya berkemungkinan besar akan menyebabkan kematian; atau

(c) niat untuk menyebabkan kecederaan badan yang lazimnya mencukupi untuk menyebabkan kematian; atau

(d) sekiranya tertuduh-tertuduh mengetahui bahawa perbuatannya adalah sangat berbahaya hingga mungkin sekali menyebabkan kematian.

[14] Sebelum kita pergi dengan lebih lanjut lagi terhadap intipati kesalahan sepertimana yang terdapat di dalam pertuduhan, elok diteliti terlebih dahulu akan apakah isi keterangan yang telah disampaikan oleh kesemua lapan belas (18) orang saksi pendakwaan tersebut.

[15] SP1, Konstabel Mohd Fauzul Wafir bin Mohd Ali adalah anggota polis yang telah menerima laporan berkenaan kecurian getah sekerap di Ladang Felda Lepar Hilir 2 pada tarikh 7 Julai 2006. Susulan daripada itu, SP1 telah memaklumkan kepada Koperal Wan Abdullah bin Wan Hussin (SP2) untuk pergi ke tempat kejadian. Menurut SP1 lagi, lebih kurang jam 12.45 pagi, SP2 telah memaklumkan kepada beliau bahawa terdapat seorang mangsa yang cedera dan telah dihantar ke Klinik Kesihatan Gambang. Tidak lama kemudian, pada jam 2.30 pagi, SP1 memaklumkan bahawa beliau ada menerima laporan polis daripada penama Encik Yaakob bin Mohamad (SP7) berkenaan penemuannya

dengan tiga orang lelaki Melayu bermotorsikal bersama dengan tiga guni getah sekerap semasa membuat rondaan di ladangnya pada jam 11.30 malam. SP1 di dalam keterangannya menyatakan bahawa SP7 telah menelefon anaknya yang bernama Rosmaini (SP8) yang telah datang bersama rakan-rakannya dan telah mengejar tiga orang lelaki tersebut tetapi dua daripada mereka berjaya melarikan diri. Laporan polis 457/06 oleh SP7 kemudiannya telah dikemukakan sebagai eks. 'P5'. Pada jam 2.45 pagi pula, SP1 menerima panggilan telefon dari M.A. Shamsuri dari Hospital Tengku Ampuan Afzan yang memaklumkan bahawa mangsa telah meninggal dunia pada jam 2.15 pagi, 7 Julai 2006. Tindakan yang telah diambil oleh SP1 adalah melaporkan perkembangan tersebut kepada Pegawai Penyiasat bertugas, Inspektor Zunita Marlina binti Embong dan membuat laporan polis 459/06 yang dikemukakan sebagai eks. 'P6'.

[16] SP2, Kopral Wan Abdullah bin Wan Hussin pula di dalam keterangannya memaklumkan bahawa sejurus selepas menerima laporan kecurian getah sekerap daripada SP1, beliau telah ke tempat kejadian di Felda Lepar Hilir 2 bersama-sama dengan Lans Koperal Hamid untuk melakukan penyiasatan. Setibanya di sana pada jam 12.55 tengah malam, mereka telah menemui seorang lelaki di dalam keadaan cedera parah dan sedang dipegang oleh seorang lagi lelaki. Oleh kerana keadaan di tempat kejadian gelap, SP2 tidak dapat mengecam kedua-dua lelaki terbabit. Tindakan yang telah diambil oleh SP2 adalah membawa mangsa tersebut ke Klinik Kesihatan Gambang dan menyerahkannya kepada seorang Pembantu Perubatan. Melalui bantuan orang awam, barang-barang kes terlibat iaitu dua buah motorsikal, salah satu daripadanya kepunyaan mangsa dan tiga guni getah sekerap telah dibawa ke Balai Polis Gambang. Nama mangsa telah diperolehi oleh SP2 secara lisan iaitu Jamzi Afzan. Susulan daripada itu, SP2 telah membuat laporan polis No. 458/06 yang dikemukakan sebagai eks. 'P7'. Semasa dirujukkan dengan beberapa keping gambar di tempat kejadian, SP2 mengesahkan melalui tanda 'X' yang dilakukan pada gambar bertanda 'F' sebagai tempat di mana mangsa ditemui. Semasa disoal balas oleh peguambela tertuduh pertama, SP2 menyatakan bahawa beliau tidak mengetahui tentang seorang pekerja Indonesia yang turut cedera dan telah mendapatkan rawatan di Klinik Kesihatan Gambang pada malam kejadian. Dan, semasa disoal balas oleh peguambela tertuduh kedua pula SP2 menyatakan bahawa beliau dapat melihat mangsa sedang dipegang

oleh lelaki lain walaupun keadaan sekitar gelap kerana beliau ada membawa lampu suluh dan menurutnya lagi turut terdapat lebih kurang 10 orang awam di tempat kejadian pada masa tersebut.

[17] SP3 pula iaitu Ahmad bin Hassan adalah bapa kepada simati. Menurut SP3 beliau ada menerima panggilan telefon yang menyatakan anaknya telah dipukul pada jam 2.30 pagi 7 Julai 2006. Tidak lama kemudian, isterinya Saadah binti Abdullah pula menelefon dari Hospital Tengku Ampuan Afzan dan memaklumkan bahawa anak mereka, Jamzi Afzan telah meninggal dunia. Susulan daripada itu, SP3 telah membuat laporan polis No. 460/06 yang kemudiannya dikemukakan sebagai eks. 'P8'.

[18] Saksi seterusnya iaitu SP4, Koperal Mohd Sani bin Mohd Nor merupakan Jurugambar Polis dari Cawangan Jenayah, Ibu Pejabat Polis Daerah Kuantan. Menurutnya, pada jam 2.30 petang 7 Julai 2006 beliau telah pergi ke tempat kejadian bersama-sama dengan Pegawai Penyiasat Kes, ASP Noorleyda binti Ahmad. Sebanyak 10 keping gambar di tempat kejadian telah diambil dan dikemukakan sebagai eks. 'P9AJ' manakala negatifnya pula ditandakan sebagai 'P9AN-JN'.

[19] Saksi awam seterusnya adalah SP5, Mohd Azmadi bin Bakar. SP5 adalah rakan simati dan telah turut bersama-sama simati yang dipanggilnya sebagai 'Boxy' dan seorang rakan lain, Mohd Hafizan bin Mohd Fauzi (SP6) telah pergi ke tempat kejadian di Felda Lepar Hilir 2 untuk mencuri getah sekerap pada jam 8.15 malam, 6 Julai 2006. Menurut SP5, setibanya mereka di tempat kejadian, mereka telah meletakkan motorsikal di seberang jalan sebelum mula mengutip getah sekerap sehingga dapat mengisi tiga guni. Selepas itu, SP6 pergi mengambil motorsikalnya dan semasa SP5 sedang duduk di atas jalan raya, SP5 dapat mendengar SP6 bertekak dengan beberapa orang Indonesia tapi tidak dapat mendengar dengan jelas apa sebenarnya yang diperkatakan oleh mereka. SP6 kemudiannya mengajak mereka melarikan diri tetapi si mati telah mengajak SP5 meminta maaf. Semasa mereka mula hendak meninggalkan tempat kejadian, SP5 dan simati telah dipukul oleh orang-orang Indonesia tersebut yang dikatakan bersenjata dengan parang, kayu dan besi patah. SP5 sempat melarikan diri ke dalam paya dan beliau dapat mendengar si mati yang sedang dipukul oleh orang Indonesia serta jeritan si mati meminta tolong. SP5 turut memberitahu bahawa semasa kejadian, terdapat lima orang kesemuanya, tiga daripadanya orang Indonesia dan dua orang lagi

tidak dapat dipastikan identiti mereka. Selepas 20 minit berlalu, SP5 berjaya menyelamatkan diri dan pulang ke rumah pada jam 4pagi. SP5 telah dimaklumkan oleh isterinya kemudiannya berkenaan dengan kematian Jamzi Afzan. SP5 telah membuat pengecaman ke atas gambar-gambar di tempat kejadian. Di dalam pemeriksaan balas SP5 turut menyatakan bahawa beliau tidak dapat mengecam orang-orang Indonesia terbabit kerana keadaan gelap. Semasa disoal semula, SP5 memaklumkan bahawa beliau tidak menolong si mati kerana takut memandangkan ada di antara orang Indonesia tersebut yang bersenjatakan parang.

[20] Saksi seterusnya SP6, Mohd Hafizan bin Mohd Fauzi yang juga merupakan rakan si mati menyokong akan keterangan SP5 berkenaan apa yang telah berlaku di tempat kejadian pada malam tersebut. SP6 turut mengesahkan tentang kehadiran tiga orang Indonesia yang bersenjatakan kayu, besi dan parang di tempat kejadian tetapi tidak mengetahui kesemua mereka pekerja siapa. Walau bagaimanapun, SP6 tidak dapat melihat si mati dipukul oleh orang-orang Indonesia kerana beliau berada di tempat yang jauh dan semasa melarikan diri ketiga-tiga mereka telah berpecah.

[21] Saksi seterusnya iaitu SP7, Yaakob bin Mohamed adalah pemilik ladang getah di mana kejadian berlaku. Menurut SP7, pada jam 11 malam, 6 Julai 2006 beliau ada menerima panggilan telefon dari anaknya yang bernama Rosmaini (SP8) berkenaan kecurian getah sekerap di ladang mereka. SP8 bersama 6 atau 7 orang rakannya telah bergegas ke tempat kejadian. SP7 tiba di tempat kejadian 10 minit selepas itu. Sebelum itu, semasa di dalam perjalanan dengan menunggang motorsikal yang turut dibonceng oleh 'Nye' atau nama penuhnya, Zambri bin Aman (SP13), SP7 telah dipintas oleh sebuah kereta Proton Saga yang menurutnya berwarna biru yang tidak diketahui milik siapa. Kemudiannya, SP7 telah diberitahu oleh SP13 bahawa kereta tersebut kepunyaan Syed Halil tertuduh pertama. Di dalam kereta tersebut terdapat dua orang lelaki yang kemudiannya disahkan sebagai Syed Halil (tertuduh pertama) dan tertuduh kedua Mohd Nazri. SP7 memberitahu bahawa setibanya di tempat kejadian, beliau melihat tertuduh pertama menumbuk dan menerajang simati tetapi tidak pasti di bahagian mana. Justeru itu, SP7 terus memegang tertuduh pertama yang ketika itu berada di dalam keadaan mengigil kerana terlalu marah. Tentang tertuduh kedua, SP7 tidak pasti apa yang sedang dilakukan oleh tertuduh kedua atau jaraknya dengan simati. SP7 turut memberitahu mengenai kehadiran pengurus ladang yang

bernama 'Encik Jo' di tempat kejadian pada masa itu. Seterusnya, menurut SP7, isi laporan polis seperti yang terdapat di eks. 'P5' telah dibuatnya secara terpaksa di atas arahan tertuduh pertama. Semasa disoal balas oleh peguambela tertuduh pertama, SP7 mengakui bahawa kerja menjaga ladang diuruskan oleh seorang pekerja Indonesia bernama 'Panjang' dan lelaki tersebutlah yang memberitahu anak-anaknya berkenaan kecurian getah sekerap pada malam kejadian. SP7 turut memberitahu mahkamah tentang seorang lelaki Indonesia yang telah cedera pada malam yang sama dan telah dihantar untuk mendapatkan rawatan di Klinik Kesihatan Gambang oleh tertuduh pertama. Menurut SP7, kehadiran orang ramai lebih kurang 10 orang di tempat kejadian tersebut adalah untuk membantu menangkap pencuri. SP7 mempertikaikan laporan polis yang telah dibuat olehnya iaitu di eks. 'P5' dengan menyatakan bahawa beliau telah dipaksa oleh tertuduh pertama semasa di dalam kereta menuju ke Balai Polis Gambang untuk membuat laporan tersebut dan beliau telah turut memberikan percakapannya kepada Pegawai Penyiasat kes (SP18) di Balai Polis Kuantan.

[22] Saksi SP8, Rosmaini bin Yaakob adalah anak kepada SP7 yang telah pergi ke tempat kejadian setelah menerima panggilan dari seorang lelaki yang 'tidak dikenali' berkenaan kecurian getah sekerap di ladang bapanya. SP8 telah pergi ke tempat kejadian bersama rakan-rakannya yang terdiri daripada Nye (Zambri bin Aman (SP13)), Atan (Mohd Fezali bin Dailar (SP10)) dan Fendi (Mohd Effendy bin Che Ali (SP14)). Di dalam perjalanannya, SP8 juga menyatakan ada dipintas oleh sebuah kereta yang dipandu oleh tertuduh pertama dan menyatakan tertuduh kedua turut berada bersama di dalam kereta tersebut. Namun begitu, setibanya SP8 di tempat kejadian, kereta tertuduh pertama tiada di situ dan si mati kelihatan sedang dikejar oleh dua orang lelaki. Apabila SP8 masuk ke ladang, didapati si mati telah parah dipukul tetapi masih boleh bercakap sesuatu kepada Munzir (SP12). Apabila tertuduh pertama tiba, beliau dikatakan terus meluru ke arah si mati dan menerajang dada si mati sebelum dihalang oleh mereka. Si mati kemudiannya dipangku oleh SP13. Di dalam pemeriksaan balas, SP8 menafikan ada memukul si mati tetapi mengesahkan tentang terdapatnya orang Indonesia yang cedera dan telah dibawa ke Klinik Kesihatan Gambang untuk mendapatkan rawatan. SP8 turut mengesahkan bahawa si mati telah berlumuran darah sebelum tertuduh pertama tiba di tempat kejadian. SP8 mengakui telah ditahan reman 14 hari oleh pihak polis bagi membantu penyiasatan kes pembunuhan ini.

[23] SP9, Dr Zahari bin Noor adalah Pakar Perunding Forensik HTAA yang menjalankan bedah siasat ke atas mayat si mati pada 7 Julai 2006 jam 10.30 pagi. SP9 di dalam keterangannya menyatakan bahawa terdapat 35 kecederaan luaran yang dialami oleh simati dan punca kematian dikatakan adalah kecederaan yang dialami di bahagian kepala akibat dipukul dengan benda tumpul seperti kayu atau besi serta pengumpulan darah yang terdapat di bahagian paru-paru dan mulut akibat dipukul atau ditumbuk. Keadaan ini dianggap membawa kepada 'instant death'. Semasa disoal balas, SP9 menjelaskan bahawa kecederaan yang dialami oleh si mati tidak cukup disebabkan daripada sekali tumbukan sahaja. Kecederaan 'linear' si mati menurutnya adalah diakibatkan oleh pergeselan di antara dua objek seperti kulit dan objek tumpul.

[24] Saksi awam SP10, Mohd Fezali bin Dailar pula adalah rakan kepada SP8 yang turut berada di kedai D-Mart semasa SP8 menerima panggilan tentang kecurian getah sekerap di ladang bapanya. SP10 yang telah turut bersama-sama SP8 dan SP14, secara amnya, menyokong keterangan SP8 berkenaan apa yang telah berlaku di tempat kejadian. Sebagai tambahan, SP10 menyatakan ada melihat tertuduh pertama memegang sebatang besi jenis aluminium berbentuk bulat bersaiz lengan sepanjang 2 kaki tetapi tidak dapat mengesahkan sama ada ianya ada digunakan untuk memukul si mati ataupun tidak. SP10 menyatakan bahawa dia dan Zambri bin Aman (SP13) telah memegang tertuduh pertama daripada memukul si mati dan SP10 kemudiannya membantu pihak polis mengangkat si mati ke atas land-rover polis.

[25] Saksi seterusnya, SP11, Dr. Nurfazilah bte M. Nordin adalah Pegawai Perubatan di Klinik Kesihatan Gambang dan merupakan pegawai bertugas semasa si mati dibawa ke klinik tersebut. SP11 mengesahkan bahawa semasa si mati dibawa ke klinik, beliau masih lagi bernyawa dan telah diberikan rawatan pernafasan (CPR) sebelum dipindahkan ke Hospital Tengku Ampuan Afzan, Kuantan.

[26] Saksi seterusnya SP12, Mohd Munzir bin Ahmad Sukri memberitahu mahkamah pada tarikh kejadian 6 Julai 2006 jam 12 tengah malam beliau yang ketika itu berada di kedai, mendapat tahu tentang kekecohan yang berlaku berkaitan dengan kecurian getah sekerap. Susulan daripada itu, SP12 dan rakannya bernama Mohd Hafizuddin bin Hamdan telah pergi ke ladang getah yang dimaksudkan itu untuk memberikan bantuan. Setibanya mereka di sana, mereka telah menemui si mati yang didapati berada di dalam

keadaan duduk di tepi jalan dan meminta rokok daripadanya. SP12 ada bertanya si mati berkenaan getah sekerap yang telah dicuri dan si mati telah menunjukkan tempat ianya disimpan sebelum si mati dibawa menaiki land-rover polis.

[27] Saksi SP13, Zambri bin Aman yang juga dikenali sebagai 'Anje' atau 'Zam' memberitahu mahkamah bahawa beliau telah pergi ke tempat kejadian dengan membonceng motorsikal Encik Yaakob (SP7). SP13 menyokong keterangan SP7 berkenaan kereta Proton Saga biru yang memotong mereka semasa dalam perjalanan ke tempat kejadian. SP13 memberitahu bahawa apabila ditanya oleh SP7 tentang kereta tersebut, beliau menyatakan bahawa kereta tersebut milik tertuduh pertama. Sesampai di tempat kejadian, SP13 memberitahu ada melihat si mati berada di dalam keadaan berdarah, sedang dibawa berjalan-jalan oleh SP12 dan si mati ada meminta rokok daripada SP12. Menurut SP13 ini lagi, selepas si mati ditendang dari arah belakang, si mati telah terus rebah dan bersuara seperti 'lembu kena sembelih' tetapi masih di dalam keadaan sedar. Tendangan pertama disahkan sebagai tendangan yang dibuat oleh tertuduh pertama dan menurutnya walaupun tertuduh pertama ada memegang sebatang besi, ianya tidak pernah digunakan untuk memukul si mati. Semasa disoal semula, SP13 mengakui terdapat ramai orang termasuk pekerja Indonesia telah memukul si mati dan salah seorang daripadanya adalah tertuduh pertama dan menurutnya, pukulan yang teruk diterima oleh si mati adalah daripada pekerja-pekerja Indonesia terbabit.

[28] SP14, Mohd Effendy bin Che Ali adalah rakan SP8 yang turut ke tempat kejadian bersama-samanya. SP14 memberitahu mahkamah bahawa semasa beliau dan rakan-rakannya tiba di tempat kejadian, si mati, SP5 dan SP6 sedang melarikan diri. Si mati telah terjatuh dari motorsikalnya dan SP14 telah mengejar SP5 dan SP6. Selepas gagal mengejar SP5 dan SP6, SP14 kembali semula ke tempat kejadian dan mendapati si mati telah dibelasah dengan teruk. SP14 mengesahkan bahawa tertuduh pertama telah menendang mangsa sebanyak satu kali sahaja di bahagian dada sebelum keluarga si mati datang dan memeluknya. Semasa pemeriksaan semula, SP14 mengesahkan bahawa tertuduh kedua tidak melakukan apa-apa terhadap si mati.

[29] Saksi SP15 adalah jurugambar polis, Koperal Mohd Yusof bin Ibrahim yang telah merakamkan gambar-gambar mayat si mati semasa proses bedah-siasat dijalankan. Sebanyak 20 keping gambar telah dikemukakan dan ditandakan sebagai eks. P10A-T dan P10AN-TN bagi negatif-negatifnya.

[30] SP16, Inspektor Mohd Nayan bin Mokhtar adalah Pegawai polis yang bertanggungjawab melakukan tangkapan ke atas suspek-suspek yang terdiri daripada kedua-dua tertuduh, SP10, SP13 dan SP14. Selepas tangkapan dibuat, kesemua suspek telah diserahkan kepada Pegawai Penyiasat kes untuk tindakan lanjut. Di dalam keterangannya, SP16 turut mengesahkan tentang maklumat berkenaan penglibatan tiga orang lelaki Indonesia yang dikatakan turut sama terlibat di dalam kejadian tersebut. Cubaan untuk mengesan mereka telah dibuat oleh SP16 dan anggotanya tetapi tidak berhasil.

[31] Saksi SP17, Puan Suraini bte Mat Yasin, Ahli Kimia daripada Jabatan Kimia Kuantan pula di dalam keterangannya mengesahkan bahawa sample darah simati telah diambil untuk tujuan analisis.

[32] Saksi terakhir pendakwaan adalah SP18, Pegawai Penyiasat Kes iaitu ASP Noorleyda binti Ahmad. SP18 di dalam keterangannya mengesahkan ada membuat siasatan terhadap laporan polis yang telah dibuat oleh SP1 yang ditanda sebagai eks. 'P6'. Selepas ke bilik mayat untuk melihat mayat si mati bersama-sama jurugambar polis (SP15), SP18 telah mengambil tindakan dengan menangkap beberapa orang suspek dan menghantar barang kes ke Jabatan Kimia Kuantan. Semasa pemeriksaan balas oleh peguambela tertuduh pertama, saksi ini mengesahkan bahawa punca kejadian adalah berpunca dari perbuatan mencuri getah sekerap dilakukan oleh si mati bersama SP5 dan SP6. Daripada siasatan beliau, SP18 mengesahkan akan kewujudan pekerja-pekerja Indonesia di ladang terbabit tetapi SP18 tidak pasti berkenaan butiran mereka dan sama ada salah seorang dari mereka telah cedera dan dihantar ke Klinik Kesihatan Gambang untuk mendapatkan rawatan. SP18 memberitahu mahkamah bahawa sebanyak 11 tangkapan telah dibuat berkaitan dengan kes ini dan menyatakan SP7 di dalam percakapannya telah memaklumkan kepada beliau bahawa laporan polis (eks. P5) yang dibuat oleh SP7 itu adalah dibuat setelah diajar oleh tertuduh pertama. Berkenaan pertuduhan di dalam kes ini yang menyatakan lima orang lagi yang masih bebas, SP18 mengesahkan bahawa ianya

merujuk kepada pekerja-pekerja Indonesia yang masih bebas. Semasa disoal semula, SP18 mengesahkan pekerja-pekerja Indonesialah yang telah memukul si mati dan mereka telah melarikan diri.

Penghujahan Oleh Pihak-pihak

[33] Pihak Timbalan Pendakwa Raya di dalam penghujahannya menghujahkan bahawa pihak pendakwaan telah berjaya membuktikan suatu kes *prima facie* terhadap kedua-dua tertuduh memandangkan keempat-empat intipati pertuduhan seperti yang telah dinyatakan di awal tadi telah dibuktikan sepenuhnya melalui keterangan-keterangan saksi mereka yang 'overwhelming', konsisten serta mempunyai hubung kait yang rapat di antara satu sama lain. Kesemuanya, dihujahkan menjurus kepada kesimpulan bahawa kedua-dua tertuduhlah yang telah menyebabkan kematian si mati. Berkenaan dengan kecederaan yang dialami oleh si mati dan punca kematiannya, pihak pendakwaan menghujahkan bahawa tindakan tertuduh pertama yang menumbuk dan menendang pada dada si mati sahaja, pada lazimnya adalah memadai untuk mengakibatkan kecederaan parah apatah lagi sekiranya seseorang yang telah lemah seperti si mati di dalam kes ini yang langsung tidak menyangka apa-apa serangan lagi secara berulang kali oleh tertuduh. Sebagai kesimpulan dihujahkan bahawa kedua-dua tertuduh telah menyebabkan bencana tubuh kepada si mati yang sememangnya diketahui oleh mereka akan menyebabkan kematian.

[34] Pihak pendakwaan turut berhujah di atas isu s. 34 Kanun Keseksaan dan telah merujuk kepada keputusan kes *Tan Hung Thiam & Anor v. PP* [1991] 2 MLJ 137 yang mana telah diputuskan bahawa pihak pendakwaan tidak diwajibkan untuk membuktikan wujudnya satu niat umum secara bersama di antara penjenayah-penjenayah bagi kesalahan yang telah dilakukan. Rujukan turut dibuat kepada yang dicapai keputusan di dalam kes *PP v. Neoh Bean Chye* [1975] 1 MLJ 3 dan dihujahkan bahawa kesemua tertuduh adalah 'liable' secara 'vicariously'. Akhir sekali rujukan telah dibuat kepada keputusan Mahkamah Agung di dalam kes *Namasiyiam Doraisamy v. PP & Other Cases* [1987] 1 CLJ 540; [1987] CLJ (Rep) 241 SC di atas isu ini. Sebagai tambahan, pihak pendakwaan turut berhujah berkenaan isu 'subsequent conduct' oleh tertuduh pertama terhadap SP7. SP7 dihujahkan sebagai seorang saksi yang 'credible'.

[35] Bagi pihak tertuduh pertama, pihak pembelaan telah menghujahkan bahawa pihak pendakwaan telah gagal membuktikan satu kes *prima facie* terhadap kedua-dua tertuduh seperti yang diperuntukkan di bawah s. 180(1) Kanun Prosedur Jenayah. Beberapa nas undang-undang dan otoriti-otoriti kes telah turut dirujuk oleh peguambela bagi tertuduh pertama. Rujukan dan perbandingan secara terperinci telah dibuat oleh pihak pembelaan bagi menunjukkan kepada mahkamah akan wujudnya beberapa percanggahan keterangan saksi-saksi di pihak pendakwaan. Berdasarkan kepada perbandingan dan percanggahan tersebut, pihak pembelaan menghujahkan bahawa keterangan saksi-saksi tersebut adalah tidak konsisten dan tiada terdapatnya sebarang keterangan dikemukakan oleh pihak pendakwaan untuk mengaitkan tertuduh-tertuduh ini dengan kematian si mati. Kebolehterimaan keterangan saksi-saksi seperti keterangan dari SP7 yang dihujahkan sebagai seorang saksi yang tidak 'credible' serta keterangan dari saksi-saksi SP8, SP10 dan SP14 yang juga merupakan suspek di dalam kes ini dihujahkan amatlah diragui. Di atas alasan-alasan tersebut, peguambela tertuduh pertama memohon agar tertuduh pertama dilepaskan dan dibebaskan tanpa dipanggil mengemukakan pembelaan.

[36] Peguambela tertuduh kedua pula di atas nada yang sama menghujahkan menerimapakai penghujahan yang telah dilakukan oleh peguambela tertuduh pertama dengan sepenuhnya dan menambah bahawa tiada terdapat sebarang bukti yang menunjukkan bahawa tertuduh kedua telah melakukan pembunuhan ke atas si mati sepertimana pertuduhan.

[37] Setelah meneliti akan kesemua keterangan dari seramai 18 orang saksi pendakwaan ini, menimbangkan akan setiap dari penghujahan yang telah disampaikan, sekarang perlulah ditentukan oleh pihak mahkamah pula sama ada berdasarkan kepada kesemua perkara yang dipersembahkan itu adakah ia mewajarkan untuk pembelaan dipanggil terhadap kedua-dua tertuduh ini.

[38] Penelitian secara terperinci perlulah dilakukan walaupun ianya di tahap akhir kes pihak pendakwaan kerana prinsip asas di dalam sesuatu pengadilan itu bukan hanya untuk mensabitkan dan seterusnya menghukum seseorang tertuduh itu jika didapati bersalah; namun adalah juga untuk melepas dan membebaskan seseorang tertuduh itu seandainya dapat dibuktikan juga seseorang tertuduh itu tidak bersalah dan tidak dapat dikaitkan dengan kesalahan yang dipertuduhkan itu. Apakah kedudukannya?

[39] Melihat kepada pertuduhan seperti yang dibacakan di awal tadi, kedua-dua tertuduh dituduh melakukan pembunuhan ke atas Jamzi Afzan bin Ahmad, iaitu si mati. Apakah keterangan yang wujud untuk dikaitkan kedua-dua tertuduh ini terhadap perlakuan hingga membawa kepada kematian si mati. Ini perlu diperincikan kerana akibat dari perbuatan itu, jika ianya wujud, telah menyebabkan kepada kematian. Untuk itu, eloklah diteliti apakah perbuatan Syed Halil, tertuduh pertama di dalam insiden tersebut. Melalui keterangan saksi-saksi, terdapat seramai 4 orang saksi menyatakan terdapatnya penglibatan tertuduh pertama ini. Mereka adalah SP7, Encik Yaakob bin Mohamad, SP8 Rosmaini bin Yaakob, SP13 Zambri bin Aman dan SP14 Mohd Effendi Che Ali.

[40] SP7 di dalam keterangannya menyatakan:

> Masa tiba, si mati telah rebah ke tanah. Dia bangun balik. Dia bangun, Syed Halil tumbuk dan terajang. Saya pegang Syed Halil. Syed Halil tumbuk, tapi saya tak perasan dia tumbuk di mana. Saya pegang Syed Halil dari terus menumbuk. Si mati boleh berjalan lagi ...

[41] SP8 di dalam keterangannya menyatakan:

> Saya lihat 1 kereta yang datang dari arah Gambang jenis Proton Saga – 1 lelaki keluar dari kereta yang berbadan besar. Dia meluru pergi ke mangsa. Dia cuba memukul dan kami menghalangnya. Dia cuba untuk tumbuk dan terajang. Ada satu yang kena, iaitu satu terajang kepada mangsa – dia kena di dada.

[42] SP13 di dalam keterangannya pula menyatakan:

> selepas itu Mosaic tanya getah sekerap. Dia tunjukkan Mosaic tempat getah sekerap itu. Selepas itu dia dibawa semula keluar. Selepas itu dia duduk semula di tempat tadi. Syed Halil datang menendang – kena pada bahagian dada. Keadaan mangsa jatuh terlentang dengan motor.

[43] SP14 di dalam keterangannya menyatakan:

> Selepas itu ada 1 kereta datang dari arah Gambang dan berhenti di hadapan mangsa dan tendang dada mangsa. Mangsa terus lemah. Syed Halil yang saya lihat tendang mangsa di bahagian dada. Dia tendang satu kali sahaja ...

Demikianlah antaranya keterangan saksi-saksi yang menyaksikan akan apa yang dikatakan perbuatan tertuduh pertama itu terhadap si mati.

[44] Elok diteliti pula akan apakah tahap kecederaan dan luka yang dialami oleh si mati seperti apa yang disampaikan oleh saksi-saksi semasa perbicaraan berlangsung. SP18 pegawai penyiasat kes di dalam keterangannya tentang kecederaan yang dialami oleh si mati menyatakan:

> Saya lihat pada kecederaan luaran pada mayat itu. Kecederaan banyak. Dari pemeriksaan saya ialah satu bengkak di atas kening, bengkak dan lebam di sekeliling kedua-dua mata, calar-calar kecil pada pipi kanan dan kiri, calar pada bahagian bahu depan, lebam pada bahagian belakang sebelah kanan, kesan lebam di bahagian sebelah kiri.

[45] SP9 Pakar Perunding Forensik pula yang menjalankan bedah siasat ke atas mayat si mati menyatakan seperti berikut akan punca kematian si mati:

> Berdasarkan kepada kecederaan si mati, hasil pemeriksaan dari luka-luka yang banyak dan terdapat luka yang teruk, saya berpendapat bahawa si mati telah alami banyak cedera oleh luka benda tumpul. Terdapat luka yang serius pada bahagian kepala – pada otak. Luka sebegini boleh buat dia koma dan mati. Tambahan pula terdapat banyak darah yang libatkan pendarahan pada paru-paru. Saya rasa luka itu datang dari mulut dan sedut ke dalam paru-paru – 'aspiration of blood' dalam paru-paru. Ia libatkan pendarahan dalam paru-paru. ... aspirasi darah boleh jadi pada orang yang alami pendarahan mulut. Rujuk kepada cedera di kepala, tak mungkin dapat ditentukan – tapi dalam jangka masa pendek. Pendarahan pada mulut – jika tersedut sahaja, dia akan meninggal – tak lama.
>
> Cedera pada kepala akibat trauma tumpul. Saya maksud – si mati telah dipukul, dihentak atau dihentak dengan benda tumpul. Malah kayu, rotan dan besi boleh akibatkan kecederaan seperti ini ... Sebab kematian ialah aspirasi darah di paru-paru dan kepala.

[46] Berdasarkan keterangan SP9 dan SP18 ini, dapat disimpulkan bahawa si mati ini telah mengalami kecederaan yang banyak di bahagian luar badan dan kecederaan yang serius di dalam kepala. Si mati telah dipukul, dihentak, ditendang dengan benda tumpul oleh lebih dari seorang penyerang, yang melakukan serangan dari setiap penjuru dan yang pentingnya seperti yang dinyatakan oleh SP9 ini, bahawa 'subdural and laceration of the brain' ini, cedera sebegini tak cukup datangnya dari 'one single blow'.

[47] Sesudah diperjelaskan demikian, maka berbalik semula kepada persoalan asas kita, adakah terdapat keterangan oleh mana-mana saksi yang menyatakan bahawa kecederaan-kecederaan yang dialami oleh si mati seperti yang dihuraikan itu telah dilakukan atau didatangkan oleh tertuduh pertama, Syed Halil? Jawapannya adalah jelas, tidak. Tidak ada segelintir keterangan sekalipun untuk mengaitkan akan kecederaan yang dialami oleh si mati berakibat dari perbuatan menendang oleh Syed Halil tadi. Adalah sesuatu yang terlalu jauh untuk dikaitkan akan 35 cedera luaran yang dialami oleh si mati ini dengan perbuatan menendang atau menumbuk oleh Syed Halil yang mananya pula tidak pasti sama ada mengena sasarannya seperti keterangan oleh sesetengah saksi. Dari segi logiknya pula, adalah sesuatu yang sukar untuk diterima hakikatnya bahawa hanya dengan sekali tendangan dan sekali tumbukan sahaja ia boleh mengakibatkan kecederaan yang sedemikian teruk dialami oleh si mati. Adakah dengan hanya sekali tendangan dan tumbukan itu boleh mengakibatkan 35 cedera luaran pada tubuh si mati seperti yang diterangkan oleh SP9. Malah SP9 di dalam soal-balas menyatakan:

> Ya, si mati cedera yang dikata dilakukan oleh 'blunt object' – seperti tramline injuries – benda tumpul – rod shape – blunt object. Benda seperti kayu dan besi telah digunakan – itu possible. I/O tak tunjukkan senjata. Daripada 35 kecederaan, saya setuju bahawa si mati telah diserang lebih daripada satu orang penyerang. Sebab kematian ialah akibat daripada 'blunt object' dan bukan tajam ... cedera sebegini, saya rasa tak cukup dari satu single blow ... . si mati mungkin telah ditendang, ditumbuk di muka, bahu, belakang, dahi dan sebagainya. Di bahagian kepala, 'possible' dengan 'blunt' object' termasuk besi dan kayu.

[48] Jadi persoalannya, siapa yang telah mencederakan si mati dengan sedemikian cara. Dari keterangan saksi-saksi pendakwa sendiri seperti keterangan yang disampaikan oleh SP5 dan SP6 bahawa terdapat lima orang yang menurut mereka terdiri dari tiga orang pekerja Indonesia yang terdapat di ladang itu dan dua lelaki yang tak dikenali yang telah memukul si mati dengan teruknya dengan bersenjatakan kayu, parang dan besi sehingga terdengar jeritan kuat minta tolong dari si mati yang di dengari oleh SP5 Mohd Azmadi Bakar, "Ampun Pak, saya tak buat lagi ... ." Malah SP6, Mohd Hafizan bin Mohd Fauzi nampak si mati meminta maaf dan menjerit. Malah SP18, pegawai penyiasat kes sendiri mengakui melalui siasatannya bahawa sebelum kedua-dua tertuduh sampai ke tempat kejadian si mati telah dipukul teruk oleh pekerja-pekerja Indonesia dengan menggunakan kayu dan parang.

[49] Bagaimana dengan tertuduh kedua, Mohd Nazri? Di dapati bahawa dari keterangan saksi-saksi yang ada, tidak seorang pun ada menyatakan akan pembabitan Mohd Nazri di dalam tragedi pembunuhan ini. Kehadiran Mohd Nazri di tempat kejadian di ketika dan waktu itu adalah diibaratkan berada di dalam satu situasi yang malang baginya kerana telah turut dituduh bersama dengan Syed Halil hanya kerana kehadirannya bersama dengan tertuduh pertama di situ. Tiada wujud segelintir keterangan sekalipun untuk dikaitkan tertuduh kedua ini dengan kejadian pembunuhan ini. Malah mengikut keterangan SP14, Mohd Effendy bin Che Ali semasa disoal oleh mahkamah, berkata: "Nazri (OKT2) tak ada buat apa-apa. Dia berborak aje dengan mangsa …". Malah, lain-lain saksi awam yang turut berada di tempat kejadian tidak mengaitkan langsung tertuduh kedua ini dengan insiden pembunuhan tersebut.

Penyiasatan Kes

[50] Diakui bahawa kekuatan sesuatu kes itu adalah bergantung sepenuhnya kepada hasil siasatan yang dijalankan disertakan dengan lain-lain bahan bukti. Untuk hasil penyiasatan yang baik, pastinya memerlukan sesuatu corak penyiasatan yang lengkap dijalankan. Di dalam soal ini, peranan seorang pegawai penyiasat kes amatlah penting, perlulah dilihat akan apakah aspek siasatan yang telah dilakukan – adakah ianya suatu penyiasatan yang 'tip-top' ataupun ianya cuma merupakan sebagai 'pelengkap cara'. Sering dikatakan yang seorang pegawai penyiasat adalah ibarat 'tiang seri' bagi sesuatu bangunan, ataupun ibarat tunjang bagi sebatang pokok; kuat tunjang maka kukuhlah pokok tersebut. Mengkaji serta meneliti akan keseluruhan tugasan penyiasatan yang telah dijalankan oleh pegawai penyiasat kes ini, iaitu (SP18), bolehlah ia diibaratkan penyiasatannya itu, sebagai sekadar 'janji siap'. Penyiasatan kes ini telah tidak dijalankan dengan secara terperinci dan menyeluruh. Cara dan corak siasatan yang dijalankan oleh pegawai penyiasat kes ini amat tidak memuaskan.

[51] Eloklah diteliti akan apakah langkah-langkah yang telah dilakukan olehnya sebagai seorang pegawai penyiasat kes. Menurut beliau, selepas menerima maklumat, pada jam 3.30 pagi, 7 Julai 2006, beliau telah pergi ke rumah mayat HTTA untuk melihat mayat itu sendiri. Jam 4.30 pagi beliau hubungi Dr. Zahari (SP9) untuk temujanji post mortem mayat si mati. Diberitahu yang post mortem akan dijalankan pada jam 10 pagi pada 7 Julai 2006. Masa

post mortem, beliau arahkan Koperal Yusof, SP15 untuk mengambil gambar. Selepas itu beliau telah rakam percakapan Dr. Zahari. Pada jam 2.30 petang, beliau dan Koperal Sani (SP4), jurugambar dan seorang anggota dari Balai Polis Gambang telah pergi ke tempat kejadian. Di tempat kejadian beliau telah melukis rajah kasar dan arahkan SP4 untuk mengambil gambar. Menurutnya, beliau telah arahkan anggota yang bersamanya itu untuk geledah tempat kejadian mencari senjata, tapi tak jumpa. Beliau telah ke tempat kejadian itu untuk kali keduanya dua hari selepas itu bertujuan untuk lihat semula tempat kejadian. Pada setiap lawatan ke tempat kejadian itu beliau akui tidak membawa bersamanya anggota detektif dan juga anggota dari unit forensik. Beliau akui yang kes ini merupakan kes bunuh yang pertama disiasat olehnya.

[52] Seterusnya tugasan lain beliau selaku pegawai penyiasat kes adalah membuat tangkapan dan juga menghantar barang kes ke Jabatan Kimia. Beliau juga akui bahawa beliau yang telah mendrafkan tuduhan untuk kes ini. Demikianlah antara tugasan yang dinyatakan oleh saksi ini yang telah dilakukan olehnya selaku seorang pegawai penyiasat.

[53] Keterangan saksi-saksi adalah jelas akan kewujudan identiti pekerja Indonesia di ladang Encik Yaakob (SP7). Apakah yang telah dilakukan oleh pegawai penyiasat ini untuk cuba mengesan kehadiran serta latar belakang orang-orang Indonesia itu. Malah di dalam keterangan beliau sendiri, beliau mengakui akan kewujudan seorang pekerja Indonesia yang bekerja di ladang Encik Yaakob. Malangnya tiada keterangan diberikan tentang butiran pekerja itu. Mengapakah butiran pekerja Indonesia ini tidak dikemukakan? Semasa soal-balas oleh peguam tertuduh pertama, beliau mengatakan bahawa beliau tidak mendapat kerjasama dari orang kampung dan juga dari tuanpunya ladang sendiri, Encik Yaakob. Jawapan sebegini sukar untuk diterima. Selaku pegawai penyiasat kes, beliau mempunyai kuasa yang diperuntukkan di bawah undang-undang untuk mendapatkan apa jua maklumat penting yang diperlukan bagi melengkapkan penyiasatan sesuatu kes itu. Malah beliau sendiri akui yang kenyataan saksi dari Encik Yaakob ini telah dirakamkan oleh beliau sendiri. Di manakah rasionalnya untuk menerima alasan sedemikian. Hakikat akan kewujudan pekerja Indonesia yang diakui wujud di ladang itu, dipersetujui oleh beliau. Makanya adalah menjadi tugas dan tanggungjawab beliau

sebagai seorang pegawai penyiasat untuk mendapatkan setiap butir maklumat lengkap tentang identiti pekerja Indonesia itu dengan sepenuhnya. Sebagai tuanpunya ladang pula, serta pengadu kes, Encik Yaakob tidak wajar dibiarkan menyembunyikan fakta terpenting sepertinya itu. Adakah kerana pekerja itu seorang 'PATI' yang tiada dokumen yang sah. Atau adakah pekerja ini sebenarnya yang terlibat sama di dalam mencedera dan secara langsung membawa kepada kematian Jamzi Afzan. Fakta ini masih tidak berjawab hingga kini. Atau atas alasan apakah pula identiti pekerja Indonesia ini perlu dilindungi? Kesemuanya ini meninggalkan pelbagai persoalan. Juga, jika benar dikatakan terdapat juga lain-lain orang Indonesia yang terlibat sama di dalam insiden di malam itu, apakah usaha-usaha untuk pengesanan orang-orang Indonesia ini dilakukan. Tidak ada 'road-block' dilakukan di kawasan tersebut pada malam itu atau esoknya, tiada sekatan larangan diadakan di tempat kejadian dan di kawasan berdekatan serta tiada usaha untuk 'hunting' orang-orang Indonesia ini dijalankan di ladang itu. Tiada 'combing of the area' dilakukan. Alasan seperti yang diberikan oleh SP16 bahawa ikut maklumat siasatan ada tiga orang lelaki Indonesia, cuba tangkap mereka tetapi tak dapat dan tak berjaya, adalah alasan yang terlalu lemah untuk diterima. Tidak dinyatakan akan apakah usaha-usaha yang telah beliau lakukan. Walhal, jika hendak dilakukan secara bersungguh, ia boleh dilakukan. SP18 ini juga mengakui bahawa beliau ada merakamkan percakapan dari tuan punya ladang Encik Yaakob. Encik Yaakob pula di dalam keterangan beliau di mahkamah ada menyatakan bahawa terdapat seorang Indonesia yang telah cedera pada malam kejadian dan telah dihantar untuk mendapatkan rawatan di Klinik Kesihatan Gambang oleh tertuduh pertama dan dengan menaiki kereta tertuduh pertama. Hakikat ini turut disahkan oleh SP8 Rosmaini bin Yaakob, iaitu anak SP7 di dalam keterangannya tentang terdapatnya seorang Indonesia yang cedera yang telah dibawa ke Klinik Kesihatan Gambang untuk mendapatkan rawatan.

[54] Soalnya jika begitu kedudukannya, mengapakah maklumat peribadi orang Indonesia yang cedera itu tidak diperincikan. Siapakah dia dan apakah kaitannya dengan kes ini dan bagaimanakah kecederaannya itu terjadi dan dialami dan sebagainya. Sudah pasti maklumat peribadi orang Indonesia itu ada diambil dan dicatatkan semasa ia dibawa ke Klinik Kesihatan Gambang untuk rawatan seperti lazimnya. Mengapakah perkara yang sebegitu material dan penting tiada di dalam agenda tugasan

beliau. Bila disoal tentang perkara ini, alasan yang diberikan adalah beliau tidak pasti ada orang Indonesia yang cedera. Adakah alasan yang sebegini boleh diterima? Sebagai pegawai penyiasat, siasatan perlu dilakukan secara terperinci serta telus.

[55] Juga didapati tiada anggota dari unit forensik dibawa ke tempat kejadian. Tiada anggota detektif terlibat dalam siasatan. Tidakkah tugas unit forensik ialah untuk mengesan bahan bukti di tempat kejadian. Siasatan tempat jenayah (CSI) adalah suatu elemen penting di dalam setiap penyiasatan terutamanya yang membabitkan kes bunuh seperti di dalam kes ini. Tugas CSI ini adalah amat penting bagi mengenalpasti, mengumpul dan memproses barang kes dengan teliti sebelum barang atau bahan berkenaan diserahkan kepada pegawai penyiasat untuk dinilai. Manakala tugasan anggota detektif pula adalah untuk mengesan serta menangkap suspek-suspek. Tidakkah kehadiran anggota detektif ke tempat kejadian dirasakan amat perlu dan wajar mentelahan lagi terdapatnya maklumat tentang kehadiran serta penglibatan orang-orang Indonesia di dalam kejadian tersebut. Dengan hanya membawa bersama jurugambar dan seorang anggota dari Balai Polis Gambang, adakah kedua-dua tugasan ini telah dilitupi. Bukanlah untuk memperkecilkan peranan mereka, akan tetapi saya merasakan bahawa tugasan sebenar perlulah diberikan dan dilaksanakan oleh mereka dari unit yang berkenaan. Dengan hanya menyatakan yang beliau ada membuat 'search' untuk cari jika ada senjata di tempat kejadian, adalah tidak mencukupi. Ini adalah siasatan suatu kes bunuh dan bukannya siasatan kes curi. Tiada sebarang senjata atau objek yang digunakan semasa memukul dapat dikesan di tempat kejadian walaupun keterangan wujud bahawa pisau, kayu dan besi ada digunakan oleh orang Indonesia di dalam insiden itu. Terlalu banyak kelemahan wujud dari segi aspek penyiasatan di dalam kes ini. Untuk kes yang sebegini penting, beliau cuma melawat tempat kejadian sebanyak dua kali sahaja, iaitu sekali pada 7 Julai 2006 selama tiga jam setengah (2.30-6 petang) dan kedua pada 9 Julai 2006 hanya untuk lihat tempat kejadian sahaja. Pengadu (SP7) tidak dibawa sama ke tempat kejadian dan tiada sebarang sampel di tempat kejadian yang diambil untuk dianalisis. Malah di tempat kejadian pun hanya beliau lawati sembilan jam setengah selepas beliau menerima laporan. Setidak-tidaknya beliau arahkan anggota detektif dan anggota unit forensik pergi ke tempat kejadian terlebih dahulu dengan segera.

[56] Keterangan SP18 ini sendiri mengakui bahawa dari siasatan beliau, pekerja-pekerja Indonesia telah memukul si mati dengan menggunakan kayu dan parang. Terdapat seramai lima orang Indonesia yang terlibat. Namun jika dilihat melalui hasil siasatannya, apakah yang telah disiasatnya? Tugas seorang pegawai penyiasat tidaklah hanya setakat merakam percakapan dari saksi-saksi, mengarahkan anggota mengambil gambar, melukis rajah kasar tempat kejadian, menghantar barang-barang kes ke Jabatan Kimia dan sebagainya. Saya merasakan perlulah ada suatu 'Standard Operating Procedures' yang khusus untuk setiap pegawai penyiasat diwujudkan untuk dijadikan sebagai panduan, terutamanya kepada pegawai penyiasat muda dan belum ada pengalaman menyiasat.

[57] Kategori siasatan perlu dibezakan di antara satu dengan yang lain, antara kes bunuh dan kes mengedar dadah, kes curi dan kes mencedera, kes rogol dan kes mencabul kehormatan dan sebagainya. Perlulah ada suatu garis panduan yang jelas, terutamanya sebagai panduan kepada pegawai penyiasat yang baru seperti SP18 ini yang mengakui ini adalah merupakan kes bunuh pertama yang disiasat olehnya. Juga wajarlah difikirkan bagi pegawai penyiasat yang tiada berpengalaman menyiasat kes-kes seperti ini, seperti SP18 ini ia turut sama dibantu oleh seorang pegawai penyiasat lain yang lebih senior.

[58] Jika seandainya 'Standard Operating Procedures' itu telah wujud, rasanya adalah sudah sampai masanya ia disemak semula dari masa ke masa bagi disesuaikan pemakaiannya dengan keadaan terkini. Saya ingin sarankan agar hal perkara ini diberikan pertimbangan dengan sewajarnya oleh pihak yang berkaitan khususnya dan juga lain-lain agensi penguatkuasa demi untuk memastikan keberkesanan sesuatu penyiasatan kes yang dijalankan itu demi untuk keadilan semua pihak.

[59] Selain dari itu, jika diteliti akan keterangan di antara saksi-saksi, sememangnya wujud percanggahan-percanggahan yang amat ketara di dalam keterangan-keterangan yang telah dikemukakan oleh saksi-saksi itu. Percanggahan yang material contohnya wujud di dalam keterangan SP7, tuan punya ladang dan keterangan yang diberikan oleh SP8 yang merupakan anaknya sendiri. SP8 memberitahu mahkamah bahawa beliau menerima panggilan daripada seorang lelaki yang tidak dikenali semasa berada di kedai D-Mart berkenaan kecurian getah sekerap. Perkara ini disokong oleh keterangan rakan-rakan SP8 yang ada bersama-samanya, iaitu

SP10 dan SP14. Sebaliknya, SP7 di dalam keterangannya pula telah memaklumkan bahawa maklumat kecurian getah sekerap tersebut sebenarnya telah diperolehi dari pekerja Indonesianya yang bernama 'Panjang'. Menurut SP7, Panjang telah menelefon ke rumahnya dan diangkat oleh anak perempuannya bernama Rosleyda atau Roslindayati. Dan, Roslindayatilah yang dikatakan telah memberitahu SP8 melalui telefon tentang kecurian tersebut dan bukannya 'lelaki yang tidak dikenali'. Persoalannya, apakah perlunya SP8 menyembunyikan identiti orang yang memberikan maklumat kepadanya jika beliau dan rakan-rakan tidak mempunyai apa-apa yang perlu disembunyikan. Tindakan SP8 dan rakan-rakannya itu amat memprejudiskan kes pendakwaan dan seolah-olah suatu cubaan untuk menafikan akan kewujudan pekerja Indonesia yang bernama 'Panjang' tersebut. Fakta bahawa ketiga-tiga mereka, iaitu SP8, SP10 dan SP14 juga adalah suspek bagi membantu siasatan menyebabkan mahkamah merasakan adalah tidak selamat untuk menerimapakai sepenuhnya keterangan-keterangan dari mereka.

[60] Seterusnya, penelitian dibuat kepada keterangan saksi penting pendakwaan iaitu SP7. Setelah menimbang secara keseluruhan akan keterangan beliau, mahkamah mendapati bahawa SP7 bukanlah seorang saksi yang 'credible' dan boleh dipercayai sepenuhnya. Selain terdapat beberapa percanggahan; SP7 di dalam keterangannya telah memberitahu bahawa laporan polis 457/06, iaitu (eks. P5) yang dibuat olehnya telah dibuat setelah diajar secara paksaan oleh tertuduh pertama semasa di dalam kereta. Walau bagaimanapun, saksi bebas iaitu 'Encik Jo', pengurus ladang getah terbabit yang dikatakan oleh SP7 sebagai turut sama berada di dalam kereta bersama-sama mereka semasa ke Balai Polis Gambang telah tidak dikemukakan untuk menyokong kesahihan keterangan SP7 ini. Jika benar kenyataan SP7 berkenaan paksaan oleh tertuduh pertama itu, ia adalah suatu kenyataan serius yang boleh 'implicate' tertuduh pertama. Lantas kegagalan pihak pendakwaan untuk mengemukakan "Encik Jo" bagi memberikan keterangan berkenaan apa yang sebenarnya berlaku di dalam kereta tertuduh pertama itu jelas menimbulkan keraguan terhadap kes pihak pendakwaan.

[61] Ini adalah selari dengan prinsip yang telah diputuskan oleh Mahkamah Agung di dalam kes *Ti Chuee Hiang v. PP* [1995] 3 CLJ 1.

[62] Kegagalan pihak pendakwaan mengemukakan saksi "Encik Jo" tersebut mewajarkan pihak mahkamah mengguna pakai peruntukan berkenaan 'adverse inference' di bawah s. 114(g) Akta Keterangan 1950 terhadap mereka. Sebagai rumusan, oleh kerana SP7 bukanlah seorang saksi yang 'credible' untuk dipercayai, keterangan SP7 berkenaan 'paksaan' oleh tertuduh pertama ini memerlukan sokongan oleh keterangan "Encik Jo" sendiri. Tanpanya, keterangan SP7 ini amatlah meragukan dan ini turut memudaratkan kes pendakwaan.

[63] Berdasarkan pula kepada keterangan-keterangan lain yang dibentangkan, mahkamah memutuskan bahawa kematian simati bukanlah disebabkan oleh perbuatan tertuduh pertama menendang sekali di bahagian dadanya. Ini jelas dilihat melalui keterangan dari Dr. Zahari (SP9) yang menjelaskan akan punca kematian si mati yang menurutnya tidak boleh disebabkan oleh 'a single blow'. Sebaliknya, kecederaan yang menyebabkan kematian kepada si mati adalah pukulan yang begitu teruk dilakukan oleh tiga orang pekerja Indonesia dan dua lelaki yang tidak dikenali dengan menggunakan senjata tumpul seperti besi atau kayu terutamanya di bahagian kepala. Walaupun tertuduh pertama dikatakan ada memegang sebatang besi, keterangan saksi-saksi pendakwaan dengan jelas mengesahkan bahawa besi tersebut tidak pernah digunakan olehnya untuk memukul simati. Persoalan yang masih tidak dijawab, di manakah senjata-senjata tersebut? Walaupun dikatakan telah digeledah tetapi tak berjumpa; persoalannya di tempat manakah ianya digeladah kerana melalui keterangan SP18 sendiri, semasa beliau ke tempat kejadian, SP7 tidak ikut sama. Jadi siapakah yang menunjukkan tempat sebenar kejadian.

[64] Berkenaan s. 34 Kanun Keseksaan pula, mahkamah mendapati bahawa pihak pendakwaan telah gagal untuk mengemukakan sebarang keterangan untuk membuktikan kepada mahkamah bahawa tertuduh pertama dan kedua sememangnya mempunyai niat umum secara bersama dengan kelima-lima orang lelaki lagi yang masih bebas, termasuklah tiga orang lelaki Indonesia di dalam insiden memukul si mati tersebut. Mahkamah Agung di dalam kes *Namasiyiam Doraisamy v. PP & Other Cases* [1987] 2 MLJ 336 memutuskan:

> In law, common intention requires a proper meeting of the minds and presupposes some prior concert. Proof of holding the same intention or sharing some other intention, is not enough. There must be proved either by direct or by circumstantial evidence

there was (a) a common intention to commit the very same offence of which the accused persons are sought to be convicted and (b) participation in the commission of the intended offence in furtherance of that common intention.

[65] Dari keterangan saksi-saksi adalah jelas menunjukkan akan tiadanya apa-apa kaitan ataupun 'nexus' di antara tertuduh pertama dan kedua dengan kumpulan berlima yang dimaksudkan itu. Malah keterangan jelas memperlihatkan yang kehadiran kedua-dua tertuduh ini di tempat kejadian adalah sesudah si mangsa ditemui berada di dalam keadaan mengalami kecederaan yang teruk selepas dipukul oleh kumpulan berlima ini. Ini jelas dapat dilihat melalui keterangan saksi-saksi SP7, SP8, SP10, SP12, SP13 dan SP14. Mereka berdua adalah 'strangers' kepada kumpulan berlima itu. Di manakah wujudnya 'niat bersama' itu.

Kesimpulan

[66] Setelah meneliti dan menimbang akan segala keterangan saksi-saksi pendakwaan yang seramai 18 orang kesemuanya, meneliti akan ekshibit-ekshibit yang telah dikemukakan termasuk ekshibit gambar-gambar serta mengambilkira akan penghujahan yang dikemukakan oleh kedua-dua belah pihak dan mengaplikasikan prinsip 'maximum evaluation', mahkamah dengan ini memutuskan bahawa pihak pendakwaan telah gagal membuktikan satu kes yang *prima facie* terhadap kedua-dua tertuduh sepertimana pertuduhan. Tertuduh pertama, Syed Halil bin Syed Mohamad Ali dan tertuduh kedua Mohd Nazri bin Jailani adalah dengan ini diperintahkan untuk dilepas dan dibebaskan daripada pertuduhan tanpa dipanggil untuk mengemukakan pembelaan.